# PELUANG KERJAYA INDUSTRI PELANCONGAN BAGI PELAJAR KURSUS DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN POLITEKNIK

AFANDI BIN FIKRI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**DEDIKASI**

*Ayahanda dan Bonda*
*Kakak-kakak dan adik tersayang*
*serta sahabat-sahabat seperjuangan*

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# PENGHARGAAN

***Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang***

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keberkatanNya, pengkaji telah dapat menyiapkan satu projek sarjana sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Kepada Tn. Hj. Mohd. Salleh B. Hj.Tahar selaku pembimbing, diucapkan ribuan terima kasih di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Politeknik, terutama kepada En. Kamal Ali, Cik Azila serta Cik Aklimima kerana telah banyak membantu pengkaji mendapatkan maklumat serta data-data yang diperlukan dalam menyiapkan projek sarjanan ini.

Tidak dilupa juga kepada Mohd. Shahrir, Tg.Kamarulzaman serta Zahidi serta sahabat-sahabat yang lain kerana telah banyak membantu dalam memberikan idea dan pandangan dalam usaha menyiapkan projek sarjana ini.

Kepada semua yang terlibat dalam penyiapan projek sarjana ini samada secara langsung atau tidak langsung, juga diucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga, semoga apa yang telah dicurahkan itu akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# ABSTRAK

Industri pelancongan merupakan antara industri yang ketiga terbesar yang menyumbang kepada pendapatan negara. Potensi industri pelancongan sebagai penjana ekonomi baru negara hanya dapat direalisasikan jika usaha-usaha memaju dan membangunkan industri pelancongan diberi penekanan yang sewajarnya. Isu-isu seperti alam sekitar, visa, kemudahan lapangan terbang, kebersihan persekitaran, sistem pengangkutan dan keselamatan pelancong, semuanya menyumbang secara positif dan negatif kepada jumlah pelancong yang melawat Malaysia. Kewujudan Kursus Pelancongan di peringkat sijil dan diploma di politeknik adalah diharapkan dapat membantu usaha-usaha kerajaan dalam menghasilkan tenaga kerja yang terlatih dan berketrampilan. Namun, adakah semua pelajar yang tamat pengajian dalam kursus sijil maupun diploma mempunyai peluang dalam kerjaya dalam industri pelancongan. Di sini pengkaji ingin melihat adakah pelajar berpeluang untuk menceburi kerjaya dalam industri pelancongan apabila tamat pengajian nanti, adakah peranan bimbingan kaunseling / unit kerjaya politeknik penting dalam memberi nasihat dan bimbingan kepada pelajar, adakah kemahiran menggunakan komputer memberikan lebih peluang kerjaya kepada pelajar, serta adakah pembelajaran Sistem Penempahan Berkomputer memberikan kelebihan terhadap peluang kerjaya kepada pelajar. Responden yang dipilih seramai 45 orang merupakan bekas pelajar yang telah mendapat Sijil Pengurusan Pelancongan Politeknik Johor Bahru dan telah menyambung Diploma Pengurusan Pelancongan dalam Program Integrasi. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 9.0. Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik dan hasil dapatan dianalisis dalam bentuk skor min dan peratusan sahaja.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## ABSTRACT

Tourism industry is the third important that contributes to the national income. The potential of tourism industry can be realized if some efforts of development are emphasized. The issue of environment, visa, air port facilities, transportation system and tourist safety are also contribute the positive dan negative impact to the outbound tourist visiting Malaysia. Toursim course in Polytechnic irrespectively, certificate or diploma is hopefully to help the goverment inspiration to poduce the competence and professional employees. Nevertheless, do all students of polytechnic involve in the tourism industry career ? The researcher would like to look whether students have any chances in working in the tourism industry after finishing their study, does the polytechnic guidance / career unit play an important role to guide students in the career, does the computer competency will give chance to the students in career and finally does the Computer Reservation System syllabus has given advantage to the students' career in the tourism industry. 45 respondents have been choosen whom have gained Certificate of Tourism Management and presumed in the Diploma of Tourism Management. The data is analysed by using SPSS version 9.0. Researcher used questionnaire and the outcomes are analyzed in the mean score and percentage only.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## KANDUNGAN


| BAB | PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| | PENGESAHAN STATUS TESIS | | |
| | PENGESAHAN PENYELIA | | |
| | HALAMAN JUDUL | | i |
| | HALAMAN PENGAKUAN | | ii |
| | HALAMAN DEDIKASI | | iii |
| | HALAMAN PENGHARGAAN | | iv |
| | ABSTRAK | | v |
| | ABSTRACT | | vi |
| | KANDUNGAN | | vii |
| | SENARAI JADUAL | | xi |
| | SENARAI RAJAH | | xii |
| | SENARAI SINGKATAN | | xiv |
| | SENARAI LAMPIRAN | | xv |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | | |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Latar Belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 | Pernyataan Masalah | 4 |
| | 1.4 | Objektif Kajian | 5 |
| | 1.5 | Persoalan Kajian | 5 |
| | 1.6 | Kepentingan Kajian | 6 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.7 Batasan Kajian 7

1.8 Definisi Istilah 7

1.8.1 Peluang 7

1.8.2 Kerjaya 8

1.8.3 Industri Pelancongan 8

1.9 Definisi Operasional 8

1.9.1 Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Politeknik 8

**BAB II SOROTAN PENULISAN**

2.1 Pengenalan 10

2.2 Kepentingan Industri Pelancongan 11

2.3 Industri Pelancongan Malaysia 13

2.4 Sumber Tenaga Manusia Di Dalam Industri Pelancongan 18

2.5 Peranan Bimbingan Kerjaya Dalam Mempergunakan Sumber Tenaga Manusia 20

2.6 Peranan Komputer Dalam Peluang Kerjaya 22

2.7 Sistem Penempahan Berkomputer 24

2.8 Teori Dan Amali Dalam Sistem Penempahan Berkomputer 28

2.9 Sistem Penempahan Berkomputer 29

2.10 Model Kajian 31

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan 32

3.2 Rekabentuk Kajian 33


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3.3 | Sampel Kajian | 33 |
| | 3.4 | Instrumen Kajian | 34 |
| | 3.5 | Kesahihan Dan Kebolehpercayaan Instrumen | 35 |
| | 3.6 | Pernyataan Item Negatif Untuk Skala Likert | 36 |
| | 3.7 | Kaedah Analisis Data | 37 |
| | 3.8 | Batasan Kajian | 40 |
| | 3.9 | Prosedur Kajian | 40 |
| | 3.10 | Anggapan | 40 |
| **BAB IV** | **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN** | | |
| | 4.1 | Pengenalan | 41 |
| | 4.2 | Analisis Data | 42 |
| | 4.3 | Latar Belakang Responden | 43 |
| | 4.4 | Min Responden Berpeluang Untuk Menceburi Bidang Pekerjaan Dalam Industri Pelancongan Apabila Tamat Pengajian | 44 |
| | 4.5 | Min Pentingnya Peranan Pihak Kaunseling Dalam Membimbing Dan Memberi panduan Kepada Pelajar Dalam Kerjaya Industri Pelancongan | 48 |
| | 4.6 | Min Kemahiran Menggunakan Komputer Dapat Memberikan Lebih Banyak Peluang Pekerjaan Kepada Pelajar | 52 |
| | 4.7 | Min Bagi Silibus Sistem Penempahan Berkomputer Memberi Kelebihan Terhadap Peluang Kerjaya Dalam Industri Pelancongan | 56 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| BAB V | KESIMPULAN DAN CADANGAN | | |
| | 5.1 | Pendahuluan | 61 |
| | 5.2 | Kesimpulan | 62 |
| | 5.3 | Cadangan | 64 |
| | RUJUKAN | | 67-72 |
| | LAMPIRAN A-F | | 73-100 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL


| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 2.3 | Peserta Asing Menghadiri Persidangan Dan Konvensyen (MICE) Semenanjung Malaysia 1998 | 17 |
| 2.7 | Lima Sistem Penempahan Berkomputer Yang Paling Utama Di Amerika Syarikat | 27 |
| 3.4 (a) | Format Skala Likert | 34 |
| 3.4 (b) | Nombor Item | 34 |
| 3.6 | Pernyataan Item Negatif Untuk Skala Likert | 37 |
| 3.7 | Pengredan Skor | 39 |
| 4.2 (a) | Pembahagian Skor | 42 |
| 4.2 (b) | Pengredan Skor Min | 43 |
| 4.4 | Min Bagi Responden Berpeluang Untuk Menceburi Bidang Pekerjaan Dalam Industri Pelancongan Apabila Tamat Pengajian Nanti. | 44 |
| 4.5 | Min Bagi Pentingnya Peranan Pengurusan kaunseling Politeknik Dalam Membimbing Dan Memberi Panduan Kepada Pelajar Dalam Kerjaya Dalam Industri Pelancongan. | 48 |
| 4.6 | Min Bagi Kemahiran Menggunakan Komputer Dapat Memberikan Lebih Banyak Peluang Pekerjaan Kepada Pelajar | 52 |
| 4.7 | Min Bagi Silibus Sistem Penempahan Berkomputer Memberi Kelebihan Terhadap Peluang Kerjaya Dalam Industri Pelancongan | 56 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH


| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 2.4 | Kerjaya Dalam Industri Hiburan Dan Pelancongan | 20 |
| 2.10 | Model Kajian | 31 |
| 4.4 (a) | Graf Peratusan Responden yakin Dapat Bekerja Kerana Kesesuaian Kurikulum | 46 |
| 4.4 (b) | Graf Peratusan Responden Yakin Dapat Bekerja Dalam Industri Pelancongan Kerana Industri Pelancongan Diberi Perhatian Serius Oleh Kerajaan Dan Swasta | 47 |
| 4.5 (a) | Graf Peratusan Responden Akan Tahu Lebih Banyak Peluang Kerjaya Dalam Industri Pelancongan Jika Pendedahan Oleh Kaunseling / Unit Kerjaya Politeknik | 49 |
| 4.5 (b) | Graf Peratusan Pihak Politeknik Haruslah Mempunyai Hubungan Dengan Sektor-sektor Pelancongan Supaya Pelajar Mudah Mendapat Peluang Bekerja Di Tempat Tersebut | 50 |
| 4.6 (a) | Graf Peratusan Dengan Belajar Komputer Responden Banyak Mengetahui Jenis-jenis Perisian Dalam Sistem Penempahan Berkomputer | 53 |
| 4.6 (b) | Graf Peratusan Pengetahuan Dalam Komputer Memberi Kelebihan Kepada Responden Untuk Menceburi Kerjaya Dalam Industri Pelancongan Seperti Sektor Perhotelan, Pengangkutan Dan Juga Agensi Pelancongan | 54 |
| 4.7 (a) | Graf Peratusan Pembelajaran Sistem Penempahan Berkomputer Memberi Kelebihan Pada Responden Terhadap Peluang Kerjaya | 57 |
| 4.7 (b) | Graf Peratusan Pembelajaran Sistem Penempahan Berkomputer | |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Menarik Minat Responden Untuk Bekerja Dalam Industri Pelancongan 58

4.7 (c) Graf Peratusan Pembelajaran Sistem Penempahan Berkomputer Menyebabkan Reponden Berani Untuk Bekerja Dengan Sektor Perhotelan, Sektor Pengangkutan Serta Agensi Pelancongan 59

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| APEC | Asia Pacific Economy Cooperation |
| BSN | Bank Simpanan Nasional |
| CSL | Civil Service Line |
| CRS | Computer Reservation System |
| DSS | Decision Support System |
| F & B | Food and Beverages |
| GDS | Global Distribution System |
| IT | Information Technology |
| ICT | Information and Communication Technology |
| PSN | Public Service Network |
| MATTA | Malaysia Association of Tourism and Travel Agency |
| MICE | Meeting,Incentive,Cenference,Exhibition |
| MITF | Malaysia International Trade Fair |
| PATA | Pacific Asia Travel Association |
| SPSS | Statistical Packages For The Social Science |
| TWG | Tourist Work Gorup |
| UiTM | Universiti Teknologi Mara |
| UUM | Universiti Utara Malaysia |
| WTO | World Tourism Organisation |
| WTTC | World Tourism and Tourist Council |

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN


| NO.LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| A. | Panduan Am Peluang Kerjaya Industri PelanconganBorang soal selidik | 73-82 |
| B. | Borang Soal Selidik | 83-87 |
| C. | Analisis Kebolehpercayaan | 88 |
| D. | Hasil Analisis | 89-96 |
| E. | Sukatan Pelajaran Sistem Penempahan Berkomputer | 97-99 |
| F. | Surat Pengesahan Kebenaran | 100 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**BAB I**

**PENDAHULUAN**

## 1.1 Pengenalan

Utusan Malaysia (2001), industri pelancongan negara mencatat sejarah apabila lebih dua juta pelancong asing berkunjung ke Malaysia dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini. Menurut Abdul Kadir dalam Laupa (2001), jumlah tertinggi itu menunjukkan peningkatan hampir 50 peratus kehadiran pelancong asing berbanding jumlah kedatangan tahun lalu. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun lalu, Malaysia menerima kunjungan 4.7 juta pelancong asing iaitu purata kira-kira 1.5 juta orang bagi tempoh dua bulan dan lebih 1 juta pelancong asing berkunjung ke negara ini dalam masa sebulan iaitu sejak Disember tahun lalu sehingga perangkaan terkini iaitu Februari lalu.

Menurut Abdul Kadir dalam Rajmah (2001), peningkatan ini merupakan rekod pencapaian tertinggi dalam sejarah industri pelancongan negara dan merupakan pencapaian luar biasa berkat hasil kerjasama semua pihak terbabit di Malaysia.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Sememangnya industri pelancongan Malaysia yang semakin berkembang pesat amat memerlukan tenaga buruh mahir dan separuh mahir. Memandangkan akan pentingnya mempunyai sumber tenaga buruh yang mahir dan separuh mahir, adalah amat wajar jika pihak kerajaan dan swasta mengeluarkan tenaga pekerja tersebut untuk memenuhi sumber tenaga kerja di dalam sektor pelancongan. Potensi industri pelancongan sebagai penjana ekonomi baru negara hanya dapat direalisasikan jika usaha-usaha memaju dan membangunkan industri pelancongan diberi penekanan yang sewajarnya. Isu-isu seperti pelancongan eko, alam sekitar, visa, kemudahan lapangan terbang, kebersihan persekitaran, sistem pengangkutan dan keselamatan pelancong, semuanya menyumbang impak secara positif dan negatif kepada jumlah pelancong yang melawat Malaysia.

Sektor pelancongan menyediakan banyak peluang-peluang pekerjaan yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam industri pelancongan seperti yang melibatkan sektor perkhidmatan, pengangkutan dan sebagainya. Selain mendapat faedah daripada tukaran asing, taraf penduduk juga akan bertambah baik kerana akan bertambahnya industri-industri berkaitan adalah untuk memenuhi keperluan terhadap industri pelancongan. Dalam akhbar The STAR Mac (1992) ada menyebut bahawa Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengeluarkan pelajar aliran vokasional seramai 67,000 orang menjelang tahun 2020 nanti.

Menurut Raudah (2000), misi Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu untuk menghasilkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**1.2 Latar Belakang Masalah**

Memandangkan Kursus Pengurusan Pelancongan adalah satu kursus yang baru diperkenalkan sejak tiga tahun dahulu, tidak mustahil jika semua pelajar yang mengikuti kursus pengurusan pelancongan tidak terlibat dan berkecimpung di dalam industri pelancongan. Ini menunjukkan bahawa sumber tenaga manusia dalam sektor-sektor pelancongan di Malaysia dipenuhi oleh mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan kemahiran di dalam industri pelancongan. Ini boleh menjejaskan kepada industri pelancongan di Malaysia sekiranya tenaga-tenaga sumber manusia yang diambil untuk bekerja di dalam sektor pelancongan seperti hotel, resort, pengangkutan, restoran adalah tidak mahir dan ini tentu akan memberikan kesan yang buruk kepada industri pelancongan negara. Mengikut rasionalnya, setiap daripada graduan keluaran institusi pengajian tinggi di Malaysia kewujudan kursus pelancongan diperingkat sijil dan diploma di politeknik dan juga peringkat ijazah di UiTM dan UUM adalah untuk menyediakan sumber tenaga manusia yang terlatih dan berkemahiran.

Menurut Goodman dan Sparague (1991), kurikulum pendidikan hospitaliti mesti difokuskan semula dan disemak memandangkan peranan perniagaan perkhidmatan semakin berkembang dan berlakunya perubahan ekonomi dunia.

Menyedari akan hakikat inilah, pihak kerajaan dan swasta haruslah dapat mengeluarkan sumber tenaga mahir dan separuh mahir dari segi pengetahuan dan terlatih yang bersesuaian dengan piawai di dalam industri pelancongan. Oleh itu kewujudan politeknik-politeknik dan kolej-kolej swasta adalah diharapkan dapat melahirkan pekerja-pekerja yang berkemahiran dan kompeten untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan seperti kemahiran menggunakan komputer, kemahiran berbahasa Inggeris, kemahiran berkomunikasi, sikap, kerja berkumpulan dan kemahiran generik di dalam sektor-sektor yang terlibat di dalam pelancongan.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Menurut Raudah (2002) visi politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu berazam untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti serta berazam melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Adakah semua pelajar lepasan Kursus Pengurusan Pelancongan dari Politeknik berkecimpung di dalam industri pelancongan ? Jika tidak, adakah ianya disebabkan oleh faktor faktor seperti mereka tidak berminat, tidak tahu akan peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di dalam industri pelancongan atau tidak yakin serta tidak mahir dengan pekerjaan di dalam industri pelancongan ? Di samping itu adakah pelajar didedahkan dengan peluang-peluang pekerjaan yang wujud di dalam industri pelancongan oleh bimbingan kaunseling / unit kerjaya politeknik ? Aspek yang akan ditekankan melalui kajian ini adalah untuk mengetahui adakah pelajar-pelajar lepasan Kursus Diploma Pelancongan berpeluang untuk bekerja di dalam industri pelancongan

Menurut McIntosch, Goeldner and Ritchie (1995), pelajar kursus pelancongan yang mahu menceburi bidang kerjaya pelancongan mestilah mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran dan pengetahuan di dalam bidang ini.

Untuk mencapai hasrat agar industri pelancongan ini hanya dipenuhi oleh tenaga yang mahir dan separuh mahir serta berpengetahuan dan bersahsiah tinggi, adalah wajar bagi seseorang pekerja itu mendapat pendidikan dan latihan yang secukupnya sebelum dapat berkhidmat dengan sektor pelancongan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.4 Objektif Kajian :

i. untuk meninjau peluang pelajar dalam menceburi bidang pekerjaan dalam sektor pelancongan apabila tamat pengajian nanti.

ii. untuk meninjau pentingnya pihak bimbingan unit kerjaya politeknik membantu dan membimbing pelajar dalam mencari pekerjaan.

iii. untuk meninjau kemahiran menggunakan komputer dapat memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada pelajar

iv. untuk meninjau pembelajaran Sistem Penempahan Berkomputer memberikan satu kelebihan dalam kerjaya pelancongan

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.5 Persoalan Kajian :

i. Adakah pelajar berpeluang untuk menceburi bidang pekerjaan di dalam industri pelancongan apabila tamat pengajian nanti ?

ii. Adakah peranan unit kerjaya politeknik penting dalam membimbing dan memberi panduan kepada pelajar dalam mencari kerja di dalam industri pelancongan ?

iii Adakah kemahiran menggunakan komputer dapat memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada pelajar ?

iv. Adakah silibus pembelajaran Sistem Penempahan Berkomputer memberikan satu kelebihan kepada pelajar terhadap peluang kerjaya dalam sektor pelancongan ?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah diharapkan dapat memberikan manfaat kepada para pelajar itu sendiri untuk melihat peluang-peluang kerjaya yang wujud di dalam industri pelancongan. Ini kerana kebanyakan sektor yang terlibat dengan industri pelancongan seperti sektor pengangkutan, penginapan, makanan dan minuman, perniagaan pelancongan dan sebagainya telah banyak menggunakan komputer untuk tempahan dan pengurusan data. Jadi dengan pelajar berpeluang menceburi kerjaya pelancongan, bimbingan unit kerjaya politeknik kemahiran menggunakan komputer serta pembelajaran silibus Sistem Penempahan Berkomputer adalah diharapkan dapat memberi peluang kepada pelajar untuk memilih bidang pekerjaan yang sesuai di dalam industri pelancongan ini.

Melalui kajian ini juga adalah diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak kerajaan terutamanya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bahawa Kursus Pelancongan yang diwujudkan di politeknik sememangnya menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada para penuntut yang mengambil kursus ini. Di samping itu juga pihak politeknik juga haruslah peka dengan silibus yang sedia ada perlulah dikekalkan ataupun dibuat modul baru yang bersesuaian dengan keperluan semasa dalam industri pelancongan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan hanyalah tertumpu kepada para pelajar Diploma Kursus Pengurusan Pelancongan semester 6 sesi Mei 2002 di Politeknik Johor Bahru. Responden yang dipilih adalah bekas pelajar yang telah mendapat sijil Pengurusan Pelancongan dan telah menyambung Diploma Kursus Pengurusan Pelancongan yang diletakkan dalam program integrasi. Ianya dilakukan ke atas para pelajar tersebut kerana mereka merupakan pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka sewaktu sijil dan mungkin telah menempuhi alam pekerjaan. Seramai 45 orang pelajar dijadikan sampel. Responden adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan Pelancongan semester enam sesi Mei 2002 dari Jabatan Hospitaliti dan Fesyen Politeknik Johor Bahru.

## 1.8 Definisi Istilah

### 1.8.1 Peluang

Bermaksud kemungkinan untuk memperolehi atau mencapai sesuatu hajat atau perkara.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 1.8.2 Kerjaya

Adalah bermaksud pekerjaan atau profesion yang dilakukan oleh sseorang mengikut minat atau kemahiran yang terdapat pada diri seseorang itu. Ianya mungkin memerlukan satu pentauliahan atau ikhtisas.

### 1.8.3 Industri Pelancongan

Bermaksud satu industri yang menumpukan kepada kemasukan atau kehadiran para pelancong atau pelawat untuk melawat ke sesebuah negara. Komponen-komponennya terdiri daripada sektor-sektor seperti sektor penginapan, sektor perkhidmatan makanan dan minuman, sektor perniagaan pelancongan sektor tarikan pelancongan, sistem pengangkutan sistem peruncitan dan pemborongan perdagangan, persidangan dan pameran serta komponen pentadbiran dan pembuat polisi

## 1.9 Definisi Operasional

### 1.9.1 Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Politeknik

Merupakan sekumpulan para pelajar seramai 45 orang yang mengambil Kursus Pelancongan di Politeknik Johor Bahru yang sampelnya terdiri dari pelajar-pelajar

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Kursus Diploma Pengurusan Pelancongan semester enam sesi Mei 2002 dari Politeknik Johor Bahru.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB II

# SOROTAN PENULISAN

## 2.1 Pengenalan

Kegiatan masa lapang dan pelancongan adalah merupakan industri yang paling cepat berkembang pesat di seluruh dunia. Menurut Davidson (1993), kita telah melihat bagaimana perkembangan di dalam ke semua komuniti dan negara di seluruh dunia dan jika kadar matawang berkembang berterusan, industri pelancongan menjadi industri yang terbesar di seluruh dunia pada tahun 2000.

Adalah dijangkakan pada tahun 2000, industri pelancongan merupakan industri yang paling besar sekali di dunia. Ini kerana sektor-sektor yang terdapat di dalam industri pelancongan adalah banyak seperti sektor sektor perkhidmatan makanan dan minuman, sektor perniagaan pelancongan, sektor tarikan pelancongan,sistem pengangkutan,sistem peruncitan dan pemborongan,perdagangan, persidangan dan pameran serta komponen pentadbiran dan pembuat polisi. Boleh dikatakan semua sektor-sektor ini menggunakan komputer untuk penyimpanan data ataupun untuk membuat penempahan.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**RUJUKAN**

Asmidar, Intan Shafina dan Zilhiya ( 2001). "Sikap pelajar Terhadap Program Pengurusan Diploma Pelancongan Di Politeknik". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal

Amir Bin Awang (1971). "Bimbingan Vokasional dalam Sistem Pelajaran Aneka Jurusan". *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia.* **16**. 41-47

Baker, M.J (1985). "Marketing : An Introductory Text". 4$^{Th}$ ed. London. Macmillan.

Bruce, M (1983). "Information Technology - Changes In The Travel Trade" *Tourism Management*. **4**. 29-42

Davidson, R (1993). "Tourism". 2$^{nd}$ ed. Essex. Addison Wesley Longman Ltd.

Fauziah Elyas (1979). "Menentukan Keperluan Bimbingan Kerjaya dan Membincangkan Khidmat Sedia Ada serta Mengkaji Peranan Ibu Bapa dan Masyarakat terhadap Mencapai Hasrat ini". *Jurnal MAVOGA*, **1**.(3). 1-5

Krishna Iyer, G. (1971). "Fungsi Bimbingan Vokasional dalam Pekerjaan Belia." *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*, **16**. 3-7

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Gamble, P.R (1986). "Computers and Innovations In The Hospitality Industry : A Study of Some Factors Affecting Management Behaviour". University of Surrey. PhD Thesis.

Gayle, D.J and Goodrich, J.N (1993) "Tourism Marketing and Managements in the Caribbean'' : London. Routledge.

Goodman, R.J and Sprague, L.G (1991). "The Future of Hospitality Education : Meeting The Industry's Needs''. The Cornell Hotel and Restaurant Administration

Harssel, J.V (1994). "Tourism : An Exploration". New Jersey. Prentice Hall

Iron, K (1994). "Managing Service Companies : Stratagies For Success". Economist Intelligence Unit. London. Addison Wesley Publishing Company.

Kavanagh, J. (198). "Business Acumen Doesn't Reach Computer Rooms". *Computer Weekly.*

Kemp,K. and Pearson,S. (1997). "Leisure and Tourism". Essex . Addison Wesley Longman Addison Ltd.

Kotler, P (1991). "Marketing : Analysis, Planning, Implementation and Control". 7th ed. London . Prentice Hall International.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Lovelock, C (1992) and Yip, G. (1996). "Global Strategies For Service Business California Management Review". **38** (2): 64-86

McIntosch,W.R, Goledner, R.C dan Ritchie B.R.J (1995). "Tourism: Principles, Practices, Philosophies" : Canada .John Zwiley & Sons, Inc.

Medlick,S. (1991). "Managing Tourism ". Oxford. Butterworth-Heinemann Ltd..

Middleton, V.T.C (1988). "Marketing In Travel and Tourism". 1st ed. Oxford Butterworth-Heinemann Ltd.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Johor Darul Takzim. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.

Shephardson, Marie E. (1975). "Peranan Bimbingan kerjaya dalam Mempergunakan Sumber Tenaga Manusia." *Jurnal MAVOGA*, **1**.49-51

Page, S.J (1999). "Transport and Tourism". Essex .Addison Wesley Longman Ltd.

Raudah Hj. Majid (2000). "Taklimat Kefahaman dan Penghayatan Visi, Misi Objektif dan Piagam Pelanggan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia" Sempena Pelaksanaan ISO Di Politeknik Johor Bahru pada 16-20 Oktober 2000.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tribe, J. (1995). "The Economics of Leisure and Tourism". Oxford. Butterworth-Heinemann Ltd.

Trigg, P. (1995). "Leisure and Tourism GNVQ". Oxford . Butterworth-Heinemman Ltd.

Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Rancangan (1996), "Malaysia : Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000)". Kuala Lumpur . Percetakan Nasional Malaysia Berhad:

Useng Awae (1995). "Tahap penggunaan Teknologi Pendidikan di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Kerajaan Kawasan Pendidikan II : Sudut Pandangan Kenaziran". Univeristi Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.

Utami Hidayah Abdul Aziz (2001) "Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Pelancongan : Satu Kajian Kes". Kolej Universiti Teknologi Tun Hssein Onn. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal

Vincent W.S Chow (1996). "Multimedia Technology and Applications". Singapore. Springer-Verlag Singapore Pte.Ltd..

Whitaker, R. and Levere, J. (1997). "Web Fever". *Airlines Business*, February : 26-33

Witt, C. and Muhlemann, A. (1995). "Service Quality In Airlines". *Tourism Economics* 1. 33-49

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Wiersma, W (1995). "Research Methods In Education : 6th. ed.". Massachusetts. Simon & Shuster Company.

Yeo, Swee Hock (1971). "Pemilihan Kerjaya." *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia.* **16**. 34-37 (Kel. 41)

Manimaran, G. (19 September 2002). "Permintaan Kemahiran Profesional Meningkat" Utusan Malaysia. m./s 7

Laupa Junus (07 April 2001) "Pelancongan: Asia Pasifik Paling Pesat". Ucapan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir semasa merasmikan Forum Pelancongan APEC ke-2. Utusan Malaysia. m/s : 9

Rajmah Hassan Shirat (09 April 2001), "Kunjungan 2 Juta Pelancong Dalam 2 Bulan Catat Sejarah.. Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir pada sidang akhbar selepas merasmikan Pameran Pelancongan Antarabangsa (MITF) 2001 Ke-11, di Seri Kembangan. Utusan Malaysia. m/s : 7

________________ (2001). Ministry Aims For 676,000 Vocational Pupils By 2020 The Star. m/s : 5

Ab. Rahim Ab. Rashid (2001). "Fokus Krisis Industri Pelancongan". http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/budaya99/DB03FOKB.htm

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fais Ahmad (2001). *Pengangkutan dan Pelancongan.* Sintok. Universiti Utara Malaysia. http://www.uum.edu.my/BULETIN.html

Kirk, D. (2001). *Careers In Hospitality and Tourism Management.* Edinburgh Queen Margaret College. http://www.instudy.com.articles/saap5a03.htm

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH